

VOL 3 | ISU 3
JULAI - SEPTEMBER 2024



Akademi Profesor
MALAYSIA

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

Ketua Editor

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin

Editor & Reka Bentuk Grafik

Nur Farhah Nabihan Ismail

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com

BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Jaringan Perbincangan Penganjuran Konvensyen Akademia 2024: KSU Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	4
Jaringan Sesi Perbincangan bersama Pasukan Korpus Kesarjanaan Sains & Matematik APM	5
Jaringan Perbincangan bersama Pengarah Bahagian Lembaga Hasil Dalam Negeri	6
Sidang Meja Bulat Perlukah Malaysia kepada Regulasi Parti Politik?	7
Kursus Latihan <i>Understanding GDP: Its Measurements and Implications</i>	8
Syarah Tamu <i>AMUL Cooperative's Success: Lessons for Malaysia</i>	9
Syarah Tamu Fuel Flexible High Intensity Colorless Distributed Combustion	10
Wacana Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan (PPI): TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP WEBINAR: Leading With Integrity And Accountability	10
Mesyuarat Mesyuarat Majlis	13
Mesyuarat Mesyuarat Pengurusan	14
Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Induk KA24	15
Mesyuarat Mesyuarat Kluster dan Jawatankuasa 2024	16
Penyertaan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA XIX)	17
Penyertaan Astro Awani: Pantau Belanjawan Oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman	18
Makluman Aktiviti Pendanaan Projek Baju Korporat & Batik APM	19
Penerbitan (Media Massa)	20
Ucapan Tahniah	23
Poster Aktiviti & Program APM	25
Keahlian: Status 30 September 2024	27
Takrifan & Akronim	28
Sertai Kami	29

Nota Ketua Editor



**Profesor Dr.
Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin**
SETIAUSAHA AGUNG AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Assalamualaikum wbkth
dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah,

Syukur ke atas limpahan rahmat Ilahi dengan izin-Nya APM berhasil menerbitkan Buletin APM Vol 3 Isu 3, yang merangkumi pelbagai aktiviti APM dari bulan Julai hingga September 2024 (suku ketiga tahun 2024) dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis APM sesi 2023/2025 terus komited meneruskan kecemerlangan yang telah dirintis sebelum ini. APM berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak positif, termasuk menganjurkan Kursus Latihan mengenai GDP yang dipimpin oleh Presiden APM, dua syarahan tamu oleh individu terkemuka, serta program wacana dan sidang meja bulat yang membincangkan isu-isu semasa sebagai respons kepada keperluan masyarakat. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen APM sebagai pusat pemikiran proaktif dalam memacu pembangunan masyarakat dan negara.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nur Farhah Nabihan Ismail, atas usaha serta dedikasinya selaku Editor dan Reka Bentuk Grafik untuk Buletin ini. Peranan beliau sebagai Pegawai Penyelidik telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam memastikan ahli-ahli APM sentiasa mendapat makluman tentang perkembangan terkini organisasi ini.

Sekian,
Salam Hormat.



Kata Alu-Aluan Presiden

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Buletin APM Vol 3 Isu 3 telah berhasil diterbitkan. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli Sidang Redaksi Buletin APM atas kesungguhan mereka dalam memastikan kelangsungan penerbitan buletin ini, yang menjadi alat penting dalam memperlihatkan aktiviti dan kemajuan APM.

Buletin ini secara keseluruhannya telah mengumpul dan melaporkan setiap aktiviti dan perkembangan APM secara objektif. APM terus komited dalam usaha advokasi melalui pelbagai program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM, dan Sidang Meja Bulat (RTD), yang membincangkan isu-isu semasa secara mendalam.

Selaku Presiden APM sesi 2023/2025, saya dengan bangganya menyambut penerbitan buletin ini sebagai saluran komunikasi penting antara Majlis APM dan semua ahli, yang memberi liputan terperinci mengenai perkembangan APM setiap suku tahun.

Selain itu pengurusan APM juga komited untuk memastikan kelestarian fiskal dan kecukupan pendanaan untuk menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang. Dengan ini izinkan saya mengambil kesempatan menyeru segenap ahli APM serta para pemegang taruh turut membantu bagi memastikan keberhasilan aspek ini.

Penglibatan dan kejayaan ahli APM turut diraikan dan dikongsi melalui ruang kolum-kolum dalam buletin ini. Diharapkan ianya dapat menjadi inspirasi bagi semua ahli APM untuk terus berperanan bukan hanya dalam institusi, tetapi juga sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Kepakaran sebagai Profesor dan Profesor Madya seharusnya dimanfaatkan secara optimum untuk meningkatkan daya saing negara.

Saya mengambil kesempatan mengajak semua ahli untuk terus menyumbang melalui platform APM. Semoga APM terus melonjak demi untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian
Salam Hormat.

Jaringan

Perbincangan Penganjuran Konvensyen Akademia 2024 bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang

1 Ogos 2024 | 10.00 pagi



Akademi Profesor Malaysia telah mengadakan kunjungan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang untuk membincangkan penganjuran Konvensyen Akademia 2024 (KA24) yang bakal diadakan pada bulan Oktober sempena bulan Akademia.

KA24 ini adalah merupakan satu konvensyen yang melibatkan kerjasama daripada pelbagai institusi dalam memanfaatkan kepakaran dan kewibawaan akademia di bawah penyelarasan APM.

Tema: Akademia: Pemangkin Pembangunan Negara

OBJEKTIF KA24:

- Memperluas penglibatan akademia di Malaysia dalam dasar awam.
- Memanfaatkan kewibawaan dan kesedaran akademia di Malaysia dalam membantu Kerajaan memacu kecemerlangan pengajian tinggi negara.
- Menghasilkan resolusi yang berimpak dalam merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035.

Jawatankuasa Induk KA24

Pengerusi	: Profesor Dr. Nordin Yahaya (UTM)
Timbalan Pengerusi	: Profesor Dato' Dr. Shamala K. Subramaniam (UPM)
Pengarah Program	: Profesor Dr Ismie Roha binti Mohamed Jais (UiTM)
Setiausaha	: Profesor Ts. Dr. Zaidatun Tasir (UTM)
Penolong Setiausaha	: Profesor Ir. Dr. Siti Fauziah Toha (IIUM)
Bendahari	: Profesor Ts Dr Norita Md Norwawi (USIM)

Jaringan

Sesi Perbincangan bersama Pasukan Korpus Kesarjanaan Sains & Matematik APM

Hotel Tenera, 24 Julai 2024



Akademi Profesor Malaysia (APM) telah diwakili oleh Presiden dan Setiausaha Agung dalam satu sesi perbincangan rasmi bersama pasukan Korpus Kesarjanaan Sains & Matematik APM dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin. Sesi perbincangan yang diadakan di Hotel Tenera ini bertujuan untuk memberi taklimat ringkas mengenai Korpus Kesarjanaan, serta memperincikan peranan dan strategi dalam memperkukuh penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Sains dan Matematik.

Jaringan

Perbincangan bersama Pengarah Bahagian Lembaga Hasil Dalam Negeri

Aras 16, LHDN, Cyberjaya

26 September 2024 | 10.00 pagi



Jawatankuasa Pendanaan telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, diwakili oleh Puan Nor Aizan binti Abd Wahab, Pengarah Bahagian Kelulusan dan Pemantauan, Puan Rusidah Abdul Rahim dan Puan Hamima Faizura binti Mohd Nor bagi membincangkan permohonan pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sidang Meja Bulat

Perlukah Malaysia kepada Regulasi Parti Politik?

24 September 2024 | 2.30 Petang | UKMshape, UKM



Panelis:

1. **Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi**
(Pensyarah Undang-undang Perlembagaan)
2. **Profesor Dr. Wong Chin Huat** (Profesor Sains Politik, Sunway University)
3. **Profesor Madya Dr. Mazlan Ali** (Pensyarah Sistem Politik dan Tatakelola, UTM)
4. **Profesor Madya Datuk Dr. Shamrahayu Abd Aziz** (Pensyarah Undang-undang UIAM)

Tujuan utama sidang meja bulat ini adalah untuk menghasilkan sebuah Kertas Pendirian yang akan diserahkan kepada kerajaan mengenai keperluan regulasi parti politik di Malaysia.

Kursus Latihan

Understanding GDP: Its Measurements and Implications

Bangi Resort Hotel | 29 Julai 2024

Oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM dan Pengerusi Kluster Ekonomi & Kesejahteraan Sosial



Kursus *Understanding GDP: Its Measurements and Implications* (Series 1) bertujuan memberikan pemahaman asas mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kaedah pengukurannya, serta implikasi terhadap ekonomi. Peserta didedahkan kepada konsep asas KDNK, peranannya dalam mengukur prestasi ekonomi, dan cabaran yang dihadapi dalam proses pengukuran. Kursus ini juga membincangkan bagaimana KDNK mempengaruhi dasar fiskal, monetari, dan sosial, serta pentingnya untuk menilai pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih tepat.

Kursus ini telah dihadiri oleh 23 orang peserta daripada pelbagai latar belakang yang mewakili beberapa kementerian dan agensi.

Syarahan Tamu

AMUL Cooperative's Success: Lessons for Malaysia

Dewan Pertanian Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia

2 Ogos 2024 | 2.00 petang

The talk on "AMUL Cooperative's Success: Lessons for Malaysia" explored how AMUL, a cooperative in India, transformed the dairy sector by empowering small producers to thrive in both domestic and global markets.



It demonstrated how AMUL helped India transition from being the world's largest milk importer in the 1960s to becoming the largest exporter today. With over 90% of Malaysian agricultural producers being smallholders, the session highlighted the potential of cooperative models in addressing economic challenges, reducing poverty, and improving the livelihood of small farmers. It also emphasized the importance of collective action, strong governance, and strategic market participation in replicating similar success in Malaysia's agricultural sector.



"Endeavor to satisfy the taste and nutritional requirements of the customer of the world through excellence in marketing by the committed team"



Syaraham Tamu

Fuel Flexible High Intensity Colorless Distributed Combustion

16 Ogos 2024 | 9.30 malam


Professor Dr. Ashwani K. Gupta, University of Maryland

The APM Guest Lecture on Fuel Flexible High Intensity Colorless Distributed Combustion, delivered by Professor Dr. Ashwani K. Gupta, Distinguished Professor at the University of Maryland, highlighted several advanced combustion technologies, including High Temperature Air Combustion (HiTAC).

HiTAC demonstrated notable advantages, such as approximately 30% energy savings, a 50% reduction in pollution, and 25% downsizing of equipment. Additionally, the system operates with low combustion noise and is capable of converting waste into hydrogen-rich clean fuel.

‘Hydrogen addition to methane fuel extended lean operational limit and significantly decreased CO emission but slightly increased NO emission’

The lecture also explored the future potential of Colorless Distributed Combustion (CDC), covering its applications in various fields. These include micro gas turbines, micro-scale combustion, and the reforming of low-grade fuels into cleaner alternatives. Moreover, CDC offers promising solutions for sulfur removal from hydrogen sulfide (H₂S) in acid gases, further contributing to its environmental advantages



Program Wacana

Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan

TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP WEBINAR: LEADING WITH INTEGRITY AND ACCOUNTABILITY

24 July 2024, Zoom Meeting



Professor Dr. Abrizah Abdullah
Department of Library & Information Science, Faculty
of Arts & Social Sciences, Universiti Malaya (UM)

"Diamond OA journals and preprint servers are vital for advancing open science. Transformational leaders inspire innovation and inclusivity, fostering accountability and creating environments for open sharing and collaboration among researchers."

The needs-based approach, emphasizing social inclusion and personalized learning, should be prioritized by higher education institutions to create equitable access to education. This approach enhances student engagement, motivation, and achievement, while fostering lifelong learning and promoting educational equity. Personalized support, such as financial aid for B40 students, mentoring, and special classes, helps build students' confidence, passion for learning, and communication skills.

UCYP University exemplifies this by engaging Orang Asli students as ambassadors and influencers, effectively reaching marginalized communities and encouraging them to pursue higher education.

Academic research is vital for scientific advancement and societal impact, yet the traditional publishing model faces criticism over access, reproducibility, and credibility. Open science addresses these issues by promoting transparency, accountability, collaboration, and accessibility, advocating for free access to research publications, data, and methodologies to enhance public engagement and validation.

Transformational leadership in open science is characterized by key attributes such as vision and strategy, inspiration and motivation, intellectual stimulation, and individualized consideration, all of which work together to advance open science and foster a more inclusive and innovative research landscape.



Professor Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Noor
Chairman UCYP University

"The pillars of education, social, and governance (ESG) are crucial in rebuilding and elevating higher education institutions to a premier level. The involvement of all parties is essential to ensuring the success of quality education, as envisioned in the fourth goal of the Sustainable Development Goals (SDGs)."

Program Wacana

Higher Education and Human Development Cluster

TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP WEBINAR: LEADING WITH INTEGRITY AND ACCOUNTABILITY

24 July 2024, Zoom Meeting



Associate Professor Dr Muhizam Mustafa
Director USM International Mobility & Collaboration
Centre

"Resilient leaders can integrate changemaking into their institutions' culture and operations, adapt to stress from volatility and uncertainty, and foster resilience traits like grit and perseverance among students, academics, and staff."

The individuals discussed share a common lesson from their experiences with diverse cultures: the importance of engaging with different perspectives while maintaining personal values. They emphasize the beauty of diversity and the necessity of inclusion, which requires intentional effort. By advocating for environments where everyone feels ownership over their learning, they encourage individuals to find comfort in uncomfortable situations.

Their experiences highlight resilience as a process of exposure, learning, and reflection, ultimately leading to the recognition of a greater purpose beyond oneself. This understanding fosters the development of compassionate leaders equipped to navigate an increasingly complex world.

Academic mobility plays a crucial role in national, regional, and global knowledge systems, emphasizing its connection to knowledge acquisition, production, transfer, circulation, networks, and the geopolitics of science. It also plays a key role in shaping global learning and driving technological innovation.

For university leaders, academic mobility serves as a strategic tool for internationalization. By attracting mobile academics who bring their talents and knowledge, receiving higher education systems and countries can strengthen their position in the global academic landscape. University leaders can leverage academic mobility to enhance their institution's global competitiveness and relevance.



Assistant Professor Dr. Romyen. Kosaikanont
Centre Director of SEAMEO RIHED

"Many individuals who participate in academic mobility do not automatically develop resilient leadership skills. Therefore, it is more beneficial to focus on identifying those who truly exemplify resilient leadership through their life case studies."

Mesyuarat

Ahli Majlis Sesi 2023/2025

Mesyuarat Majlis Bil 6

22 Ogos 2024 | 10 pagi | Bilik Beehive, Urbanhive dan Zoom



Dalam gambar (dari kiri atas): Prof. Fauzi Jani (PSM), Prof. Dato' Seri Salleh Yaapar (AFK), Prof. Abdullah Mat Zin (Bendahari), Prof. Dato' Dr. Shamala K Subramaniam (Director of Media Relations), Prof. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. Nordin Yahaya (STI). Gambar kanan: Prof. Emeritus Jamal Othman (Presiden), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP) dan Puan Nur Farhah Ismail (RO). Tiada di dalam gambar: Profesor Dr. Adlina Suleiman (PSUA)

Mesyuarat Majlis Bil6 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Presiden APM, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman disertai oleh tujuh (7) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

1. Cadangan Penganjuran Konvensyen Akademia 2024
2. Laporan Kursus Latihan "GDP and Its Implications"
3. Laporan Kewangan Projek Baju Korporat dan Baju Batik
4. Sumbangan daripada ahli
5. Penyelarasan Korpus Kesarjanaan
6. RTD Akta Parti Politik
7. Kertas Kerja Mesyuarat Agung Tahunan
8. Laporan Ketua Kluster

Mesyuarat Majlis Bil 7

30 September 2024 | 10 pagi | Bilik Boardhive, Urbanhive dan Zoom



Mesyuarat Majlis Bil7 dipengerusikan oleh Timbalan Presiden APM, Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha disertai oleh empat (4) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

1. Persediaan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-6
2. Laporan Tahunan 2023-2024
3. Laporan Kewangan 2023
4. Kertas Kerja Kenaikan Gaji Pegawai APM Selaras dengan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)
5. Cadangan APM Memohon Pelepasan Cukai bagi Penderma kepada APM di Bawah Subseksyen 44(6)
6. Cadangan Pindaan Perlembagaan bagi Pelantikan Pengerusi Tetap

Mesyuarat

Pengurusan Sesi 2023/2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 10
18 Julai 2024, 10.00 Pagi, Hybrid



Dalam gambar (dari kanan): Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP), Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Prof. Abdullah (Bendahari), Prof. Dato' Dr. Shamala K Subramaniam (Director of Media Relations), Prof. Dr. Nordin Yahaya (Pengerusi Konvensyen Akademia 2024) dan Puan Nur Farhah Ismail (RO) (tiada di dalam gambar)

Mesyuarat Pengurusan Bil10 Akademi Profesor Malaysia (APM) sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh enam (6) orang ahli pengurusan, serta satu orang urus setia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat penyelarasan bagi mengemaskini beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Penganjuran Kursus Latihan "GDP and Its Implications"
- Status Projek Baju Korporat dan Baju Batik APM
- Permohonan Geran Tambahan daripada Kementerian Kewangan
- Kunjungan Hormat kepada Ketua Setiausaha KPT dan MOSTI
- Cadangan Penganjuran Konvensyen Akademia 2024

Mesyuarat Pengurusan Bil 11
15 Ogos 2024, 10 pagi, Zoom Meeting



Mesyuarat Pengurusan Bil ke 11 Sesi 2023/2025 diadakan secara dalam talian dengan kehadiran lima (5) orang ahli pengurusan serta seorang urusetia. Selain pengesahan kepada minit mesyuarat yang lepas serta laporan perkara berbangkit, mesyuarat ini turut membincangkan beberapa agenda penting seperti berikut:

Agenda:

- Cadangan Penganjuran Konvensyen Akademia 2024
- Laporan Kursus Latihan "GDP and Its Implications"
- Laporan Kewangan Projek Baju Korporat dan Baju Batik
- Sumbangan daripada ahli
- Penyelarasan Korpus Kesarjanaan
- RTD Akta Parti Politik
- Pelantikan Pegawai Penyelidik Bersekutu
- Pengaktifan e-banking di Bank Islam Bangi

Mesyuarat Pengurusan Bil 11
19 September 2024, 10 pagi, Hybrid



Dalam gambar (dari kanan): Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP), Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Prof. Abdullah (Bendahari). Tiada di dalam gambar: Prof. Dr. Adlina Suleiman (PSUA), Puan Naimah Isa (SUK) dan Puan Nur Farhah Ismail (RO) (tiada di dalam gambar)

Mesyuarat Pengurusan Bil ke 11 Sesi 2023/2025 diadakan secara hybrid di Urbanhive, Conezion dengan kehadiran lima (5) orang ahli pengurusan serta dua urusetia. Di samping pengesahan minit mesyuarat terdahulu dan laporan perkara berbangkit, mesyuarat ini turut membincangkan beberapa agenda penting seperti berikut:

Agenda:

- Persiapan Penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan
- Persiapan Penganjuran RTD Akta Parti Politik
- Kertas Kerja Pengurusan Bil12.1 - Kenaikan Gaji Pegawai APM Selaras Dengan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)
- Kertas Kerja Pengurusan Bil12.2 - Cadangan Penyelarasan Gaji Pegawai APM Setara Perkhidmatan Awam
- Perbincangan JK Pendanaan bersama LHDN

Mesyuarat JK Induk Bil 2, 8 Ogos 2024



Nordin Yahaya

Almadia Profesor Malaysia

Dr. Maszida Dr. Arifah Abu Zaiden, IPT

SIT FAUZIAH BT. TORIA @ TORIARA

Shamala Subramaniam

Zaida Israr

Tamil Selvi-MOHE

Zahira

SITI FAUZIAH BT...

Noor Ain binti A...

Mesyuarat

Mesyuarat Kluster dan Jawatan Kuasa 2024



Jawatankuasa Induk Konvensyen Akademia 2024

1. Mesyuarat JK Induk KA24 | 15 Julai 2024
2. Mesyuarat JK Induk KA24 | 1 Ogos 2024
3. Mesyuarat JK Induk KA24 | 8 Ogos 2024
4. Mesyuarat JK Induk KA24 | 15 Ogos 2024
5. Mesyuarat JK Induk KA24 | 20 Ogos 2024
6. Mesyuarat JK Induk KA24 | 21 Ogos 2024
7. Mesyuarat JK Induk KA24 | 28 Ogos 2024
8. Mesyuarat JK Induk KA24 | 5 September 2024
9. Mesyuarat JK Induk KA24 | 12 September 2024
10. Mesyuarat JK Induk KA24 | 30 September 2024



Pendidikan & Pembangunan Insan (PPI)

1. Perbincangan JK PPI | 25 Julai 2024
2. Mesyuarat Kluster Bil.1 | 26 September 2024



JK Pendanaan

1. Mesyuarat JK Bil.1 | 27 Ogos 2024

Penyertaan

Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA XIX)

PICC, Putrajaya | 16 Ogos 2024



Akademi Profesor Malaysia diwakili oleh Presiden, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman dan Setiausaha Agung, Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal ke Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA XIX) oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.



Beliau mengumumkan bahawa Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan dilaksanakan mulai 1 Disember 2024, dengan fokus kepada peningkatan produktiviti, penyelarasan pendapatan dengan kos sara hidup, serta pengukuhan kemampunan fiskal negara. Beliau turut mengarahkan JPA menjalankan audit perjawatan menyeluruh untuk mengenal pasti ketidakseimbangan, di samping menambah baik pengurusan prestasi, tatakelakuan, dan tatatertib.

Penyertaan

Astro Awani: Pantau Belanjawan

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden Akademi Profesor Malaysia, telah dijemput untuk menyertai dua siri program Pantau Belanjawan yang dianjurkan oleh Astro Awani. Sesi ini telah disiarkan melalui Saluran 501 dan juga secara langsung di laman web astroawani.com.



Pantau Belanjawan: Blok Ekonomi - Selepas RCEP & CPTPP, Kini BRICS & OECD

Program ini membincangkan pertimbangan Malaysia untuk menyertai beberapa organisasi antarabangsa lain, termasuk Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), sebagai langkah untuk memelihara hubungan baik dengan semua rakan dagang. Ia juga mengupas strategi yang boleh diambil Malaysia untuk memaksimumkan manfaat dari pasaran baharu ini dan mengukuhkan kedudukan dalam perdagangan global.



Pantau Belanjawan: Laporan OECD: Menetap Pembangunan Holistik, Gapai Negara Maju

Siri ini berfokus pada laporan Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang menunjukkan perkembangan makroekonomi, cabaran dasar, dan langkah menuju pertumbuhan yang lebih inklusif. Diskusi ini meneliti tindakan proaktif yang boleh diambil oleh Malaysia berdasarkan cadangan dalam laporan tersebut untuk memastikan pertumbuhan negara yang mampan dan seimbang.

Makluman

Aktiviti Pendanaan | Projek Baju Korporat dan Batik Rasmi APM

APM telah melancarkan projek baju korporat dan batik rasmi APM mulai bulan Mac 2024. Tujuan baju korporat adalah untuk menandakan identiti Akademi Profesor Malaysia serta sebahagian daripada usaha pendanaan.

Baju korporat dihadirkan dengan dua pilihan warna; Baju korporat berwarna biru 'Home' digunakan untuk program yang diterajui oleh APM seperti Syarahan Felow, Round Table Discussion (RTD), Konvensyen dan sebagainya. Manakala baju korporat berwarna putih 'Away' digunakan untuk program yang dihadiri oleh ahli APM seperti kunjungan hormat ke atas VVIP, menghadiri seminar atau bengkel anjuran pihak luar. Selain itu, baju batik rasmi digunakan untuk program keramaian terutama jemputan Majlis Makan Malam.



Penerbitan Kenyataan Media



KENYATAAN MEDIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) memaklumkan bahawa APM adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang beroperasi secara bebas dan ia adalah pertubuhan yang berbeza dan tidak mempunyai kaitan dengan Majlis Profesor Negara (MPN). APM telah ditubuhkan pada tahun 2019 dan berdaftar dibawah Akta Pertubuhan 1961.

APM merupakan satu wadah pemikir yang menyatu kepakaran dan menggembelng pemikiran strategik para profesor bagi membangun masyarakat dan negara. APM bersifat akademik, inklusif (merangkumi profesor dari universiti awam dan swasta serta daripada pelbagai bidang ilmu), bebas tanpa campur tangan politik, berintegriti tinggi, berwibawa, dan profesional. Dengan demikian, APM berperanan sebagai semak dan imbang yang efektif terhadap formulasi dan pelaksanaan dasar kerajaan dan negara.

Kegiatan APM disokong oleh yuran keahlian ahli. Di samping itu, APM kini giat mengambil inisiatif menambah perolehan dana melalui permohonan pelepasan cukai untuk penyumbang kepada APM, menjalankan kursus, seminar, kerja perundingan serta aktiviti penyelidikan dasar.

Kami amat menghargai sekiranya pihak media dan masyarakat umum tidak mengaitkan APM dengan sebarang isu yang melibatkan MPN, termasuk berhubung laporan terbaru Ketua Audit Negara yang merujuk kepada MPN.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

4 JULAI 2024

Penerbitan

Kenyataan Media

Tajuk: Sokongan Akademi Profesor Malaysia Terhadap Arahan Perdana Menteri bagi MOSTI Menyenaraikan 100 Saintis ke 100 Buah Sekolah



KENYATAAN MEDIA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) menyambut baik arahan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, semasa merasmikan Pameran dan Persidangan Bioekonomi Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 17 Julai 2024, bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menyenaraikan 100 saintis bioteknologi untuk mengadakan program di 100 buah sekolah, bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di kampung dan pinggir bandar, bagi menarik minat murid terhadap bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).

YAB Perdana Menteri melahirkan kebimbangan terhadap minat STEM di kalangan anak-anak muda yang semakin menurun sehingga memberi implikasi kepada kekurangan bakat dalam profesion tertentu seperti jurutera, saintis dan pelbagai lagi. Sehubungan itu, YAB Perdana Menteri menyarankan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengadakan kerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan supaya program untuk menarik minat anak-anak muda di sekolah rendah dan menengah dalam STEM dapat ditingkatkan.

Sukacita dimaklumkan bahawa APM bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pendidikan, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta bagi merealisasikan hasrat YAB Perdana Menteri untuk melihat minat dalam bidang STEM melebar kepada rakyat terbanyak melalui penganjuran program turun ke sekolah.

APM turut bersedia untuk memobilisasi ahli termasuk pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang-bidang tertentu untuk turun ke sekolah-sekolah rendah dan menengah bagi memberi pendedahan, bimbingan dan motivasi kepada pelajar-pelajar untuk menggarap dan menceburi bidang STEM termasuk bidang digitalisasi, kecerdasan buatan (AI) dan bioekonomi yang belum berkembang secara meluas di kalangan anak-anak muda.

Justeru, APM komited untuk menjayakan program strategik ini yang merupakan ikhtiar baharu bagi melonjak minat murid terhadap STEM yang merupakan elemen penting dalam pembangunan negara dan bagi meningkatkan daya saing sekaligus memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan sokongan teknologi terbaharu.

**Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman,
Presiden, Akademi Profesor Malaysia
18 Julai 2024**

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Tanah jerlus di Jalan Masjid India: Budayakan aktiviti pemantauan, selenggara kerja bawah tanah

Sumber: Berita Harian | 1 September 2024

Oleh: Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo (Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian APM (ASK)

8 Nasional 1 September 2024 ISU AHAD

Tanah jerlus di Jalan Masjid India

'Budayakan aktiviti pemantauan, selenggara kerja bawah tanah'

Kerja mengorek, bina prasarana boleh jadi punca tragedi jika gagal laksana amalan kejuruteraan tepat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdullah@th.com.my

Kuala Lumpur: Isu struktur tanah sekitar ibu negara ini, bukan lagi sekadar membabitkan pembinaan infrastruktur yang dibina di atas batu kapur, sebaliknya beberapa masalah baharu dalam era moden ini yang perlu diberi perhatian segera oleh pihak berkuasa untuk mengelak kejadian membimbangkan ramai berulang.

Isu membabitkan masalah seperti pembinaan prasarana, kerja mengorek dan pengaliran air bawah tanah, yang dikesan boleh menyumbang kepada tragedi seperti tanah jerlus dan mandap, sekiranya amalan kejuruteraan tidak dilaksanakan dengan tepat.

Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo, berkata isu kestabilan Kuala Lumpur pada hari ini bukan lagi berkisar kepada pembinaan bangunan tinggi di atas batu kapur, yang daripada kejuruteraan diputar sebagai sebagai "kawalan pendarasan bermasalah".

"Tetapi beberapa masalah baharu muncul, pertamanya adalah pembinaan prasarana bawah tanah seperti paip air dan saluran kumbahan yang tidak diselenggara dengan baik, akan menyebabkan kebocoran dan ta-

nah mandap.

"Kedua kerja mengorek bawah tanah untuk laluan pengangkutan juga dilihat mampu menyebabkan runtuh tanah permukaan dan terakhir, pengaliran air bawah tanah boleh menyebabkan paras air tanah memuncak, seterusnya menyebabkan kejadian tanah jerlus," katanya kepada BH, semalam.

Isu berkaitan mandap dan tanah jerlus di ibu kota ini menarik perhatian umum hingga mengundang keutuhan masyarakat sejak ketibaan ini sudah kejadian seorang wanita warga India, Vijayalakshmi, 48, hilang selepas terjatuh dalam lubang sedalam lapan meter yang berlaku akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India, minggu lalu.

Isu menarik perhatian umum khususnya warga maya selepas laporan berkaitan Kuala Lumpur ditina di atas batu kapur yang boleh terjepis apabila dipengaruhi pergerakan air bawah tanah.

DRKL: diguna proaktif

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, sekiranya kajian bawah tanah dijalankan dengan baik dan sistem pendarasan dilakukan dengan asas kejuruteraan yang kukuh, maka binaan di atasnya (batu kapur) stabil dan selamat.

"Pada 10 tahun lalu, saya menjer-

Pada 10 tahun lalu, saya menjelaskan keadaan bawah permukaan (tanah) di ibu negara dan masalah yang boleh berlaku jika pembinaan dan pembangunan tidak mengamalkan praktis kejuruteraan terbaik

Ibrahim Komoo, Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia



laskan keadaan bawah permukaan (tanah) di ibu negara dan masalah yang boleh berlaku jika pembinaan dan pembangunan tidak mengamalkan praktis kejuruteraan terbaik.

"Sememangnya, satu pertiga daripada binaan dasar di ibu negara terdiri daripada batu kapur yang berada sehingga puluhan meter di bawah tanah, di atasnya ditutupi

mandap aluvium Sungai Kelang, terutama pasir dan lumpur. Selebihnya batuan sedimen, batuan granit dan batuan metamorf.

"Perlu juga diingat, sejak ratusan tahun dahulu kawasan Kuala Lumpur ini dikongsi untuk bijih timah. Banyak bekas lombong, topografinya ialah kolam bekas lombong, tempat longgokan pasir dan kodak serta tanah liat," katanya.

Ditanya adakah pemantauan semasa dilakukan secara berkala oleh pihak berkuasa sejak 10 tahun lalu, beliau berpandangan tindakan itu tidak dilaksanakan secara holistik dan bersistem.

"Ada usaha untuk mempertakutkannya, biasanya berdasarkan keperluan melancarkan projek," katanya. Ibrahim bagaimanapun menafikan, struktur tanah di ibu negara kini berada dalam situasi membimbangkan, khususnya membabitkan bangunan tinggi kerana ada banyak peraturan terwujud

dalam kerja kejuruteraan di Kuala Lumpur.

Namun, beliau menjelaskan, masalah yang berlaku hari ini adalah membabitkan pembinaan kawasan perumahan satu hingga dua tingkat yang masih berhadapan dengan tanah mandap, bangunan, longkang dan jalan mandap dan berlaku retakan pada bangunan.

"Masalah terbesar ialah budaya pemantauan dan penyelenggaraan yang masih rendah. Apa yang berlaku di Jalan Masjid India adalah disebabkan perkara ini.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mengambil tindakan proaktif, khususnya dalam menambah baik pelan guna tanah, peraturan pembinaan pemantauan, pembinaan rumah satu atau dua tingkat, jalan awam dan prasarana awam lain.

"Pendekatan pemantauan dan penyelenggaraan juga perlu diperkukuhkan," katanya.



Ucapan Tahniah



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**YBHG. PROFESOR EMERITUS DR.
JOMO KWAME SUNDARAM**

FELOW KEHORMAT
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas penerimaan
ANUGERAH MERDEKA 2024
Pencapaian Akademik Cemerlang

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**YBHG. PROFESOR DATO' IR. DR.
MOHD SALEH BIN JAAFAR**

FELOW
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas pelantikan sebagai
NAIB CANSOLOR & PRESIDEN
ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY
berkuatkuasa 1 Ogos 2024

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**PROFESOR EMERITUS DATUK
DR. OSMAN BIN BAKAR**

FELOW KEHORMAT
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas pelantikan sebagai
REKTOR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

berkuatkuasa
23 September 2024 - 22 September 2026

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**PROFESOR DR. RAHMAH
AHMAD H. OSMAN**

KETUA KORPUS KESARJANAAN
SASTERA & KEMANUSIAAN
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas pelantikan sebagai
Rakyat Malaysia Pertama yang
dilantik sebagai Ahli Kehormat
Akademi Bahasa Arab Jordan

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**YBHG. PROFESOR DATIN PADUKA DR.
KHATIJAH BINTI MOHD YUSOFF**

AHLI AKADEMIK

atas penerimaan
ANUGERAH MAULIDUR RASUL
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR
RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 1446 | 2024

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

SEKALUNG
Tahniah

**YBHG. PROFESOR EMERITUS DR.
SHAHARIR BIN MOHAMAD ZAIN**

AHLI AKADEMIK

atas penerimaan
ANUGERAH MAULIDUR RASUL
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR
RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 1446 | 2024

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia

Ucapan Tahniah



SEKALUNG
Tahniah

YAB DATO' SERI DIRAJA ANWAR IBRAHIM
PERDANA MENTERI MALAYSIA

atas penganugerahan
**Darjah Seri Setia Sultan Sallehuddin Kedah
Yang Amat Dihormati (S.S.S.K)**

membawa gelaran
DATO' SERI DIRAJA

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari
Keputeraan Tuanku Sultan Kedah ke-82

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



SEKALUNG
Tahniah

**YBHG. DATO' SRI SHAMSULAZRI
BIN ABU BAKAR**

atas pelantikan sebagai
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

berkuatkuasa
12 Ogos 2024

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Poster Aktiviti & Program



SIDANG MEJA BULAT AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

PERLUKAH MALAYSIA KEPADA REGULASI PARTI POLITIK?

TARIKH
24 September 2024 (SELASA)

MASA
2.30 PETANG – 5.30 PETANG

TEMPAT
BILIK MESYUARAT PUJANGGA 4, UKMSHAPE,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MODERATOR
**PROFESOR EMERITUS
DR. JAMAL OTHMAN**
Presiden
Akademi Profesor Malaysia
(APM)





PANEL 1
**PROFESOR EMERITUS
DATUK DR. SHAD
SALEEM FARUQI**
Profesor
Undang-undang
Perlembagaan, UM



PANEL 2
**PROFESOR DR.
WONG CHIN HUAT**
Profesor
Sains Politik,
Sunway University



PANEL 3
**PROFESOR MADYA
DR. MAZLAN ALI**
Pensyarah
Sistem Politik
dan Tatakelola,
UTM



PANEL 4
**PROFESOR MADYA
DATUK DR.
SHAMRAHAYU A. AZIZ**
Pensyarah
Undang-undang,
UIAM



Speaker
PROFESSOR DR. ASHWANI K. GUPTA
Distinguished Professor at University of Maryland



APM GUEST LECTURE
**FUEL FLEXIBLE HIGH INTENSITY
COLORLESS DISTRIBUTED
COMBUSTION**

AUGUST 16, 2024 (FRIDAY)
9.30 PM - 11.00 PM MYT
ONLINE (ZOOM)



Opening Remarks
Emeritus Professor Dr.
Jamal Othman
President of APM



Moderator
Professor Datuk ChM.
Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Deputy Chairman of
Cluster Renewable Energy
APM



REGISTER NOW

**LIVE
STREAMING**
Through YOUTUBE
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

 Akademi Profesor Malaysia

Poster Aktiviti & Program





Talk

AMUL COOPERATIVE'S SUCCESS LESSONS FOR MALAYSIA






2 AUGUST 2024



2.15 PM - 4.00 PM



DEWAN PERTANIAN
FAKULTI PERTANIAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

REGISTER NOW



also available on
zoom
Meeting ID: 882 2958 1005
Passcode: 324479



Agriculture • Innovation • Life

With Knowledge We Serve



upm.edu.my






TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP WEBINAR:

*"Leading With Integrity And
Accountability"*

WEDNESDAY
24th July, 2024

JOIN US
10:00AM - 01:00PM

ZOOM PLATFORM

SPEAKERS



Tan Sri Dr. Nazrul Azhar Mohd Nuar
Chairman, University College Yayasan Pahang University
Professor, Sunway University



Professor Dr. Abdrizak Abdulrahman
Department of Library & Information Science,
Universiti Malaysia



Prof. Abhimanyu Veerakumarsasivam
Provost, Sunway University



Associate Professor Dr. Multizam Mustafa
Director, International Mobility & Collaboration
Center, Universiti Sains Malaysia



Asst Prof Dr. Rommyen Kannakianand
Center Director, SICAMED RMHED

JOIN NOW



Link Zoom : <https://shrturlapp/LdvEHL>

Meeting ID: 895 9206 3199

Passcode: 823147

Organized by Vice-Chancellor's Special Project (VCSRP) in Collaboration with Academy of Professors Malaysia (APM)

Keahlian APM

Status pada 30 September 2024

Jumlah Ahli = 543 orang

- Fellow Kehormat = 9 orang
- Fellow = 80 orang
- Ahli = 273 orang
- Ahli Bersekutu = 181 orang

Bilangan Ahli Baharu (Julai - September 2024)

Kategori Keahlian	Julai 2024	Ogos 2024	September 2024	Jumlah Ahli Baharu
Ahli	4	2	0	6
Ahli Bersekutu	1	2	0	3
Jumlah Ahli Baharu				9

Borang Kemaskini Profil Ahli



bit.ly/3NymmGP

Takrifan & Akronim

Bil	Program
1.	Syarahan (Pusat) (ditakrifkan sebagai perkongsian ilmu oleh seorang pembicara dan dua orang pengulas)
2.	Wacana (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar, 2-5 orang)
3.	Sidang Meja Bulat RTD (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan tertutup bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar bertujuan menghasilkan kertas putih berkaitan dasar)
4.	Persidangan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai perkongsian bidang keilmuan/kepakaran oleh lebih daripada 5 orang)
5.	Latihan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai program pembelajaran dan peningkatan keilmuan oleh kumpulan pakar menghasilkan masa CPD/Sijil)
6.	Jaringan (ditakrifkan sebagai kerjasama dengan pihak berkepentingan)
7.	Penerbitan
8.	Pentadbiran Organisasi

Bil	Nama Kluster	Akronim Kluster
1.	Alam Sekitar dan Kelestarian	ASK
2.	Pendidikan dan Pembangunan Insan	PPI
3.	Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional	KSPN
4.	Perubatan dan Kesihatan	PK
5.	Keselamatan dan Pertahanan	KP
6.	Sains, Teknologi dan Inovasi	STI
7.	Tenaga Boleh diPerbaharui	RE
8.	Pertanian dan Sekuriti Makanan	PSM
9.	Governans, Kepimpinan dan Hubungan Antarabangsa	GKHA
10.	Agama, Falsafah dan Ketamadunan	AFK
11.	Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial	EPW

Sertai Kami

Sertai Kami di APM!



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai satu badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu wadah Pemikir Negara yang menggembeng dan menyatu pemikiran strategik para profesor dan ilmuan bagi membangun masyarakat dan negara. Antara fungsinya termasuklah menjadi wadah pemikir negara dan pakar rujuk, melaksanakan penyelidikan yang bersifat *foresighting*, menganjurkan wacana bitara ilmiah, memajukan integriti akademik dan governans pendidikan negara, serta melaksanakan fungsi semak dan imbang.

Daftar Keahlian

1. Ahli Biasa: Profesor



<http://bit.do/mapmp>

2. Ahli Bersekutu: Profesor Madya



<http://bit.do/amapmp>

IKUTI KAMI DI:



Akademi Profesor Malaysia

HUBUNGI KAMI:



sua@akademiprofesor.org.my, akademiprofesor@gmail.com



011-28005741 (Pn. Nai'mah Isa)

HUBUNGI KAMI

PERTUBUHAN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

M-2-08, Conezion Commercial, Persiaran IRC 3,
IOI Resort City, 62502 Putrajaya.

Tel: +603-8685 4459

+6011 2800 5741

Emel1: sua@akademiprofesor.org.my

Emel2: akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor
MALAYSIA



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor Malaysia